



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA SEMPENA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2023

Jumaat, 27 Rabiulakhir 1445H bersamaan dengan 13 Oktober 2023M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) baru-baru ini telah menganjurkan majlis sumbangan derma kepada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) termasuk Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Persatuan Pusat Kanak-kanak Cacat (KACA); Yayasan Kanser Kanak-kanak Brunei (YASKA); dan Society for Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER Brunei).
2. Sumbangan ini merupakan hasil daripada jualan tiket muzikal "The InfluencHER", yang telah dijayakan oleh BDCB dengan kerjasama Relentless Entertainment dan Academy of Performing Arts pada bulan Ogos 2023, sempena Hari Menabung Kebangsaan 2023.
3. Muzikal tersebut merupakan satu gabungan unik antara pendidikan dan hiburan, dihasilkan untuk menekankan kepentingan pengurusan kewangan yang bijak, pengurusan hutang yang berkesan, serta memberi amaran terhadap penipuan kewangan.
4. Dalam usaha untuk menyumbang balik kepada komuniti, BDCB telah menyumbangkan sebahagian daripada hasil jualan tiket kepada NGOs tersebut, sebagai sokongan kepada usaha dan misi mereka dalam mencipta perubahan dan kesan positif di Negara Brunei Darussalam.
5. Semasa acara tersebut, BDCB telah antaralainnya menzahirkan penghargaan kepada rakan-rakan kerjasama dan rakan kongsi atas sokongan, dedikasi, dan komitmen yang diberikan untuk menjayakan muzikal ini.
6. Majlis telah dihadiri oleh pihak pengurusan eksekutif dan pegawai-pegawai kanan BDCB, serta wakil-wakil dari Relentless Entertainment dan NGOs.
7. Untuk maklumat lanjut dan beberapa tip berkaitan pengurusan kewangan, sila layari laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn dan ikuti BDCB di Instagram @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 4 Rabiulakhir 1445H / 19 October 2023M

Ruj: BDCB/COMMS/3